

13/12/1998

Soros tumpang kuasa orang lain

Khaidir Majid

PEDAGANG mata wang, George Soros baru-baru ini dengan angkuh mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disingkirkan, manakala bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pula dibebaskan daripada penjara.

Saranan itu dikecam hebat oleh pelbagai pihak di Malaysia yang menganggap Soros biadab dan cuba campur tangan dalam urusan politik negara serta menghina kedaulatan Malaysia.

Bagaimanakah seorang individu yang bukan pemimpin negara atau bukan orang terkaya dunia, dengan nada rakus mengeluarkan kenyataan sebegitu rupa?

Apakah Soros lebih berkuasa daripada pemimpin negara kuasa besar atau hanya beliau saja menganggap dirinya berkuasa?

Usahawan terkaya dunia, Bill Gates yang dianggarkan mempunyai pendapatan AS\$40 juta sehari, tidak pernah kedengaran angkuh mengecam pemimpin atau negara lain. Malah, Gates yang menguasai pasaran perisian komputer dunia menerusi syarikatnya, Microsoft, menghormati pelanggannya di seluruh dunia.

Soros pula cenderung menganggap dirinya lebih bermoral daripada orang lain dan tidak segan silu untuk menyerang mereka yang tidak sehaluan dengan prinsip hidupnya. Apakah sebenarnya mendorong pedagang seperti Soros untuk bersikap begitu angkuh?

Diakui Soros dan rakan pengurus dana lindung nilainya yang lain, berpengaruh di pasaran. Pandangan beliau sentiasa diteliti oleh peserta pasaran yang lain untuk mendapat bayangan gerak-geri selanjutnya oleh beliau dalam pasaran.

Bagaimanapun, jika kita teliti perniagaan diceburi Soros dan pengurus dana lindung nilai yang lain, kuasa untuk menentu arah pasaran dimiliki mereka bukanlah milik mereka sebenarnya.

Pengurus dana ini hanya menumpang kuasa orang lain, iaitu beberapa bank yang memberi pinjaman kepada mereka.

Menerusi pinjaman bank itu, pengurus dana lindung nilai dapat menggandakan pengaruh modal asal yang dimiliki mereka sehingga mampu mencabar negara terkaya dunia sekalipun.

Bagi memahami kaedah mengganda pengaruh atau kuasa modal ini, kita perlu meneliti perniagaan melindungi nilai itu sendiri.

Dana lindung nilai atau dalam bahasa Inggeris, hedge fund dikatakan dicipta pada 1949 oleh bekas editor majalah kewangan Forbes, Alfred Winslow Jones yang juga adalah pakar sosiologi sambilan. Sejak itu, dana lindung nilai menjadi sebahagian daripada kegiatan di pasaran. Kebanyakannya berpusat di Amerika Syarikat, tetapi didaftarkan di pusat pesisir pantai dan bebas cukai, terutamanya di kepulauan Caribbean yang mempunyai peraturan longgar terhadap pengawalseliaan kegiatan lindung nilai.

Sejak 1988, jumlah dana lindung nilai berkembang dengan pesat daripada 1,300 dengan dana bernilai AS\$42 bilion (RM159.6 bilion) ketika itu kepada 4,000 dengan dana lebih daripada AS\$300 bilion (RM1.14 trilion) pada masa ini, mengikut anggaran Van Hedge Fund Advisors.

Menerusi kuasa berganda derivatif, dana lindung nilai boleh 'memutar-belitkan' pasaran dengan pada masa yang sama membuat taru-han harga akan naik dan jatuh terhadap instrumen pelaburan seperti saham, indeks dan mata wang. Berikutan rizab besar yang dimiliki menerusi margin tinggi diberikan

kepada mereka oleh bank, pengurus dana itu dapat menggerakkan pasaran.

Bank-bank di Barat atas sebab yang hanya mereka sendiri mengetahuinya, tidak keberatan memberi pinjaman kepada pengurus dana lindung nilai ini pada margin atau gandaan 30 kali daripada modal asal dimiliki oleh dana itu.

Kuasa ini digandakan lagi sebanyak 300 kali apabila gerak geri urus niaga dana lindung nilai itu menjadi ikutan pedagang lain di seluruh dunia yang menjejak dan mengikuti tindakan mereka menerusi rangkaian komputer global.

Krisis dihadapi oleh dana lindung nilai Amerika Syarikat, Long Term Capital Management (LTCM) baru-baru ini memberi contoh jelas mengenai operasi dana lindung nilai dan bahayanya kegiatan mereka jika tidak dikawal selia.

LTCM terpaksa diselamatkan daripada terjatuh muflis oleh beberapa bank baru-baru ini, atas dorongan Bank Rizab Persekutuan New York yang mengkhawatiri bahawa keranapan dana lindung nilai itu akan menjejaskan kedudukan beberapa bank yang sudah memberi pinjaman kepadanya.

Masalah LTCM bermula apabila pertaruhannya di pasaran tidak menjadi. Dana itu mempunyai modal AS\$4.7 bilion (RM17.9 bilion) pada awal tahun ini. Meskipun secara relatif modalnya kecil, dana itu dibenarkan meminjam AS\$125 bilion (RM475 bilion) daripada beberapa bank.

Jumlah pinjaman itu digunakannya untuk membeli sekuriti dan bon.

Selepas itu, instrumen kewangan yang dibeli oleh LTCM itu digunakan sebagai cagaran pula untuk menyertai pasaran derivatif, sehingga ia menggandakan nilai dasar pelaburannya kepada AS\$1,250 bilion.

Bayangkan dengan modal AS\$4.7 bilion, LTCM dapat menjana pelaburan AS\$1,250 bilion. Ini bermakna LTCM mampu menggandakan modalnya sebanyak 260 kali atau LTCM mempunyai nisbah hutang berbanding ekuiti sebanyak 260.

Tidak ada negara mampu bertahan jika diserang oleh spekulator yang menguasai dana sebesar ini, apatah lagi jika negara itu adalah negara membangun.

Jepun meskipun mempunyai rizab mata wang terbesar di dunia sekali pun, iaitu AS\$212 bilion (RM805 bilion), tidak mungkin boleh membuat sesuatu.

Oleh kerana ia mampu menjauhkan diri daripada jangkauan pengawalselia kerana kegiatannya didaftar di pusat bebas cukai yang mempunyai peraturan longgar, dana lindung nilai ini boleh membuat sesuka hatinya di seluruh dunia.

Tanpa memikirkan nasib penduduk negara diserangnya, sesetengah daripada dana lindung nilai ini melompat dari satu negara ke negara lain semata-mata untuk menghimpun lebih banyak lagi keuntungan. Daripada kedudukan moral inilah, Soros membuat tuntutan supaya Dr Mahathir disingkirkan.

Apakah Soros benar-benar memikirkan masa depan negara seperti Malaysia? Atau apakah beliau menyedari bahawa saranan Dr Mahathir supaya kegiatan dana lindung nilai dikawalselia, mungkin akan bermakna berakhirnya kuasa yang dimiliki oleh spekulator seperti beliau?

Apa yang jelas, suara sepi Malaysia pada mula tercetusnya krisis kewangan sekarang pada Julai tahun lalu, kini semakin diterima oleh negara lain.

Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik yang bermesyuarat di Kuala Lumpur bulan lalu mahu memanjangkan perbincangan isu dana lindung nilai di peringkat lebih luas.

Kumpulan tujuh negara maju dilaporkan akan membincangkan isu itu di Bonn, Jerman pada Februari depan.

Jika muncul kata sepakat dunia bahawa kegiatan dana lindung nilai itu dikawalselia (menerusi sekatan dikenakan kepada bank yang memberi pinjaman kepada dana lindung nilai), spekulator seperti Soros mungkin tidak akan lagi memiliki kuasa terlalu besar yang tidak sepadan dengan kedudukan beliau.

(END)